



TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI

KETUA MENTERI MELAKA

SEMPENA

MAJLIS UNDI PERDANA

KERJA-KERJA DI BAWAH PERUNTUKAN

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR BAGI

NEGERI MELAKA

TARIKH: 8 APRIL 2021 (KHAMIS) , MASA: 3.00 PETANG

DI MITC AYER KEROH MELAKA

**(WAKIL: YB DATUK SERI UTAMA IR. TS HJ IDRIS BIN HJ
HARUN)**

**Bismillahirahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamt Dunia.**

**Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man,
Menteri Alam Sekitar dan Air;**

**YB Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**YB Datuk Zaidi bin Johari,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;**

**YBhg Dato' Ir. Nor Hisham bin Mohd Ghazali,
Ketua Pengarah JPS Malaysia;**

**YBrs. Encik Mohamad Radzi bin Abdul Talib,
Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan
Sungai JPS Malaysia;**

**Yang Berusaha En. Abd Hakim bin Hamzah,
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka;**

**Seterusnya Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan,
Puan-puan, rakan-rakan media serta hadirin dan
hadirat yang dihormati sekalian**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama di **Majlis Undi Perdana Kerja-Kerja di Bawah Peruntukan Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) Bagi Negeri Melaka.**
2. Terlebih dahulu, saya sangat berbesar hati mengalu-alukan k e h a d i r a n tetamu kehormat kita iaitu, **Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air** kerana sudi hadir dan seterusnya menjayakan majlis kita pada petang yang berbahagia ini.
3. Seterusnya, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Melaka serta semua jawatankuasa yang telah mengelola majlis ini dengan jayanya.
4. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat Bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Wlaubagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

CABUT UNDI PERDANA

5. Untuk makluman semua, majlis yang sama seperti hari ini pernah diadakan pada pada 16 Oktober 2020 tahun lepas di JPS Melaka. Alhamdulillah, pada hari ini, sekali lagi Majlis Cabutan Kerja-Kerja Undi akan dilaksanakan melibatkan semua 3 daerah di Negeri Melaka iaitu **Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.**
6. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakam ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man** dan pihak KASA yang telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM7.54 juta** kepada Negeri Melaka di bawah program **Projek Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)**.
7. Inisiatif keempat di bawah program ini ialah **Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Seluruh Negara** iaitu pembaikan infrastruktur dan fasiliti awam yang rosak akibat banjir, pembaikan jalan, program ameniti sosial, baik pulih perumahan berstrata termasuk penggantian lif di perumahan awam, serta pembinaan gerai di kawasan PBT yang akan dikhkususkan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4.

8. Berkait itu, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka telah melancarkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang merupakan hala tuju pembangunan bagi Negeri Melaka.
9. PSMJ 2035 ini disediakan bagi menjelaskan matlamat dan *flagship* atau tema pembangunan yang ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2035. Terdapat 8 *flagship* telah dipilih untuk memacu pembangunan Negeri Melaka, antaranya *flagship* No.2 iaitu Pengurusan Air Mapan dengan strateginya iaitu memperkuuhkan pengurusan banjir di mana Kerajaan Negeri komited dalam mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah banjir di Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Kerajaan Negeri Melaka juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak KASA kerana telah meluluskan **5 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (*Rolling Plan 1*) iaitu RTB Jasin, RTB Alor Gajah Fasa 1, RTB Sungai Duyong, RTB Bandar Merlimau dan RTB Sungai Melaka Fasa 1 yang kesemuanya melibatkan kos sebanyak **RM329.8 juta**. Kerajaan Negeri Melaka berharap agar projek-projek RTB tersebut dapat dilaksanakan dengan segera untuk memperkuuhkan pengurusan isu banjir di negeri Melaka.

11. Selain daripada projek-projek RTB yang telah dinyatakan tadi, terdapat juga projek-projek lain yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 seperti Projek pemuliharaan muara-muara sungai – Muara Sungai Punggor dan Muara Sungai Baru, Projek Menaik taraf Sistem Saliran Bandar bagi mengatasi banjir kilat di kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah (Pakej 2A), Projek pengindahan dan pembersihan Sungai Melaka dan Kajian Pembangunan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru yang kesemuanya melibatkan kos sebanyak **RM73.16juta**.
12. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar (KASA) juga telah meluluskan Projek Menaik taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong-Durian Tunggal Sebagai Kolam Dwi Fungsi untuk Tebatan Banjir dan Sumber Air Negeri Melaka dengan kos sebanyak **RM600Juta** dimana Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai pelaksana projek ini.
13. Kerajaan Negeri Melaka amat berbesar hati dan mengharapkan agar peruntukan bagi semua projek yang dinyatakan di atas dapat dipercepatkan dan disalurkan ke negeri dengan segera demi kelestarian pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Saudara dan saudari sekalian,

14. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang sedang berkuatkuasa, majlis pada petang ini dilaksanakan dengan skala kehadiran yang minimum bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Sebagai alternatif, majlis ini turut disiarkan secara *live* atau dalam talian (*online*) melalui laman sosial **Facebook JPS Melaka**.
15. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada setiap tahun, negeri Melaka juga tidak terlepas dari ancaman banjir sama ada banjir monsoon atau pun banjir kilat. Kejadian banjir ini boleh mendatangkan kerugian kepada hartabenda awam dan boleh memberi impak kepada sosio ekonomi penduduk setempat.
16. Melalui peruntukan yang disalurkan oleh pihak KASA ini, pelaksanaan projek-projek pemuliharaan sungai ini akan berupaya untuk mengoptimumkan fungsi sungai atau sistem saliran setempat bagi menyalurkan air terutamanya semasa hujan lebat. Apabila semua sungai dan sistem saliran telah berjaya dibaiki dan diselenggara, risiko berlakunya banjir berjaya dikurangkan apabila tiba musim hujan yang seterusnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

17. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak YAB Ketua Menteri Melaka, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, di atas kesudian untuk hadir dan seterusnya menjayakan Majlis Undi Perdana pada petang ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullah Hi Wabarakatuh.

-TAMAT-